

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

SESI DIALOG KONTRAKTOR G1 BUMIPUTERA: TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA TEKANKAN TRANSFORMASI DIGITAL & DAYA SAING INDUSTRI

Kuala Lumpur, 27 Februari 2026 – Datuk Seri Dr. Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya, hari ini telah mengadakan Sesi Dialog bersama Kontraktor Gred G1 Bumiputera bertempat di World Trade Centre, Kuala Lumpur. Sesi ini berlangsung dengan tema “*Dari G1 ke Gred Lebih Tinggi – Memperkasa Kapasiti dan Daya Saing Kontraktor Bumiputera*” dan menjadi platform penting untuk membincangkan cabaran serta masa depan kontraktor Bumiputera dalam industri pembinaan negara.

Dianjurkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, sesi ini memberi peluang kepada kontraktor G1 Bumiputera daripada pelbagai Persatuan untuk menyuarakan pandangan dan maklum balas secara terus mengenai isu dan cabaran semasa, termasuk kekangan modal kerja dan pengembangan perniagaan, persaingan harga tidak sihat, kelemahan keupayaan pengurusan kewangan dan teknikal, kebergantungan kepada projek projek kerajaan, serta kesukaran untuk meningkat ke gred lebih tinggi.

Sehingga 4 Februari 2026, sebanyak **66,233 kontraktor G1 berdaftar di seluruh negara**, dengan **72 peratus atau 47,575 daripadanya merupakan kontraktor Bumiputera**. Statistik ini mencerminkan keberhasilan dasar Kerajaan pada tahun 2019 untuk membuka semula pendaftaran Kontraktor Bumiputera G1 di bawah Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), sekali gus memperluas penyertaan Bumiputera dalam industri pembinaan.

Namun, Timbalan Menteri menegaskan bahawa peluang pendaftaran semata-mata tidak menjamin kelangsungan perniagaan. Cabaran-cabaran masakini yang dihadapi oleh kontraktor G1 Bumiputera menuntut pendekatan baharu yang lebih strategik dan mampan bagi memastikan kumpulan ini dapat terus berkembang dalam industri yang semakin kompleks.

Sehubungan itu, sesi dialog ini diharap dapat merekodkan cadangan-cadangan strategik dan praktikal daripada pihak industri yang boleh dipertimbangkan dalam penambahbaikan dasar, mekanisme perolehan serta program pembangunan kapasiti kontraktor pada masa hadapan. Hasil perbincangan ini juga akan dijadikan rujukan dalam merangka pendekatan yang lebih tersusun bagi memastikan laluan perkembangan kontraktor G1 ke gred yang lebih tinggi dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan mampan.

Beliau turut menekankan kepentingan kontraktor untuk mengadaptasi teknologi pembinaan terkini seperti Building Information Modelling (BIM), pendigitalan proses, pengurusan kos berasaskan data, serta diversifikasi skop kerja bagi meningkatkan kecekapan operasi dan daya saing dalam pasaran.

Dalam usaha memperkukuh ekosistem kontraktor G1 dan G2, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan (MOF) dan CIDB sedang meneliti pendekatan yang lebih seimbang berkaitan struktur dan perolehan kerja. CIDB turut melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan kapasiti kontraktor usahawan seperti ACE, SFERA, SkillTechpreneur, CEKAP+, serta program pemerksaan melalui BIM dan pendigitalan, bagi memastikan kontraktor Bumiputera bersedia menghadapi cabaran industri yang semakin kompleks.

Selain itu, penambahbaikan syarat pendaftaran kontraktor sedang diperhalusi untuk mengukuhkan kompetensi dan mengatasi isu lambakan kontraktor tidak aktif atau tidak berdaya saing. Pendekatan ini bukan untuk menyekat penyertaan, tetapi untuk memastikan penyertaan yang berkualiti dan mampan.

Datuk Seri Dr. Ahmad Maslan berkata: *“Kontraktor perlu melihat G1 sebagai fasa permulaan. Matlamatnya adalah untuk membina kapasiti, meningkatkan keupayaan, dan bersedia untuk naik ke gred yang lebih tinggi.”*

Kementerian Kerja Raya dan CIDB kekal komited untuk menyokong pembangunan kontraktor Bumiputera secara inklusif dan berdaya saing, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memperkasa ekonomi rakyat dan memperkukuh daya tahan industri pembinaan negara.

[TAMAT]

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

**Diterbitkan oleh MNAIR PR Consultancy Sdn Bhd
bagi pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**